

SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH SERAH ZAKAT PERNIAGAAN 2013 KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS

KANGAR, 14 April 2014 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) menyerahkan zakat perniagaannya berjumlah **RM563,712.32** bagi tahun 2013 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS), dalam satu majlis ringkas di sini.

Pembayaran zakat bagi Negeri Perlis tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak **sembilan (9) peratus** berbanding RM515,739.47 pada 2012. Pembayaran zakat perniagaan **TH** telah disempurnakan oleh **Tuan Haji Mohamad Khairi Dasemin**, Pengarah **TH** Negeri Perlis kepada **Tuan Haji Abdul Malik Hussin**, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPS.

Jumlah keseluruhan zakat perniagaan **TH** untuk tahun kewangan 2013 yang akan dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia adalah sebanyak **RM46.29 juta** berbanding RM41.21 juta (2012). Peningkatan jumlah keseluruhan pembayaran zakat ini adalah sejajar dengan prestasi pendapatan keseluruhan **TH** yang memberangsangkan bagi 2013. Negeri Perlis merupakan negeri ke-11 dalam siri jelajah penyerahan zakat perniagaan **TH** pada tahun ini. Bagi Negeri Perlis, pengagihan zakat yang diterimanya bagi tempoh tiga tahun berturut-turut adalah RM563,712.32 (2013), RM515,739.47 (2012) dan RM501,372.00 (2011).

Pembayaran zakat perniagaan merupakan kewajipan dan tanggungjawab **TH** sebagaimana yang disyariatkan dalam Islam, selain memperlihatkan keprihatinannya sebagai sebuah institusi Islam ikonik negara dalam melestarikan ekonomi dan menjamin kemaslahatan ummah khususnya golongan asnaf.

Selain pembayaran kepada pusat-pusat zakat, **TH** turut mengagihkan zakatnya secara terus kepada golongan asnaf di seluruh negara melalui program-program tanggungjawab korporat yang disusun atur sepanjang tahun bagi golongan tersebut seperti *Program Ehsan*, *Program Iqra'* dan *Program Baiti*.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Tuan Haji Mohd Nazim Mohd Noor, Pengurus Baitulmal MAIPS, pegawai-pegawai MAIPS dan **TH**.

- Tamat -

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, hartanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.